

PM akur keputusan MKT, PAS masih mahu bincang

Ismail Sabri sebagai Naib Presiden UMNO tertakluk hasil mesyuarat

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zatul Iffah Zolkipli
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata beliau akur dengan keputusan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO untuk tidak meneruskan Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik di antara kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH) selepas 31 Julai ini.

Katanya, sebagai Naib Presiden UMNO, beliau tertakluk kepada keputusan yang dibuat MKT parti yang kelmarin memutuskan MoU di antara kerajaan Persekutuan dan PH yang berakhir 31 Julai ini, tidak akan diteruskan lagi.

"MKT buat keputusan untuk menunggu hingga tarikh akhir MoU itu, sebarang perubahan yang berlaku sebelum tarikh luput MoU perlu dibawa ke mesyuarat MKT. Kalau berlaku apa-apa yang memerlukan sebarang perubahan, saya perlu bawa ke dalam MKT semula, itu keputusan MKT."

"Saya sebagai Naib Presiden UMNO, tentu saja tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh MKT. Sekarang masih April, jadi kita tunggu. Kalau tidak ada apa-apa, keputusan itu



Abdul Hadi ditemui pemberita selepas menyampaikan Kuliah Mingguan di Masjid Rusila, semalam.

dilaksanakan. Perkara itu lambat lagi, kita tunggu. Kita berayalah dulu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Coopmart dan Coop Community Mart (CCM) Koperasi Pudina Putrajaya Bhd, di sini, semalam.

MoU Transformasi dan Kestabilan Politik antara kerajaan Persekutuan dengan PH ditandatangani pada 13 September tahun lalu.

Ia membabitkan Ismail Sabri bersama ketua-ketua parti PH, iaitu Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung DAP ketika itu, Lim Guan Eng; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu dan Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Di Marang, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang,

ketika ditanya isu berkaitan MoU berkenaan berkata, semua parti dalam Perikatan Nasional (PN) yang membentuk kerajaan Persekutuan dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN) sebelum ini sudah bersetuju sebarang keputusan perlu dibuat bersama.

"MoU (ini) kita akan buat keputusan bersama, satu perjumpaan sudah dibuat dengan Perdana Menteri, Pengerusi PN (Tan Sri Muhyiddin Yassin), saya sendiri dengan parti komponen (dan) kita bersetuju sebarang keputusan mesti dibuat bersama."

"Itu pandangan dia (keputusan UMNO tidak teruskan MoU selepas Julai) kerana kerajaan ini (kerajaan sedia ada) kerajaan PN, didominasi 70 kerusi adalah PN dan gabungannya."

"UMNO sebahagian daripadanya. Bagi PAS, kita akan bincang sesama sendiri sama ada mahu menyambung MoU itu atau sebaliknya," katanya.

Beliau yang ditemui pemberita selepas menyampaikan Kuliah Mingguan di Masjid Rusila semalam, juga menjelaskan, PAS setakat ini tidak mempunyai calon untuk disokong sebagai Perdana Menteri pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) seperti UMNO yang kelmarin mengumumkan pencalonan Ismail Sabri.

Katanya, sama ada Ismail Sabri atau Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU, PAS akan melihat dahulu keputusan PRU akan datang.

"Keputusan pada PRU-15 akan menentukan calon Perdana Menteri seterusnya. PAS tidak perlu gopoh dalam menyatakan sokongan, tapi menyerahkan kepada rakyat untuk membuat pilihan. Pilihan raya dok (belum) lagi, (jadi biar) rakyat menentukan keputusan pilihan raya, siapa, parti mana (mahu disokong)," katanya.